



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**PENGURUSAN PERKAHWINAN MASYARAKAT CINA DI
REPOK, SARIKEI, SARAWAK**

EDNA YONG LI JIA

51652

**Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian
(WA59 - Pengurusan Seni)
2018**

**PENGURUSAN PERKAHWINAN MASYARAKAT CINA DI REPOK,
SARIKEL, SARAWAK**

EDNA YONG LI JIA

51652

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian
(Program Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2018

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN

JUDUL: PENGURUSAN PERKAHWINAN MASYARAKAT CINA DI REPOK, SARIKEI, SARAWAK

SESI PENGAJIAN :2015/2016

Saya : EDNA YONG LI JIA

Mengaku membenarkan tesis/laporan* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Tesis/Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. *sila tandakan(/)

<input type="checkbox"/> SULIT	(mengandungi maklumat yang berdjajah keselamatan atau kepentingan termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)
<input type="checkbox"/> TERHAD	(mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)
<input type="checkbox"/> / TIDAK TERHAD	

Disahkan

Tandatangan Penulis
Tarikh :

Tandatangan Penyelia
Tarikh :

Alamat tetap :
No 11, Jalan Merbau,
96100 Sarikei,
Sarawak.

Catatan: *Tesis/Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

*Jika Tesis/Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/laporan ini perlu sebagai SULIT atau TERHAD

PENGAKUAN

Projek bertajuk '**PENGURUSAN PERKAHWINAN MASYARAKAT CINA DI REPOK, SARIKEI, SARAWAK**' telah disediakan oleh **EDNA YONG LI JIA** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**PENGURUSAN SENI**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Encik Alexander Anak Chelum)

Tarikh :

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu pengkaji ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia bagi Projek Tahun Akhir iaitu Encik Alexander Anak Chelum kerana banyak membimbing dan membantu pengkaji dalam menyempurnakan kajian ini. Tunjuk ajar yang diberikan telah banyak membantu pengkaji dalam memperbaiki kesilapan yang terdapat dalam melaksanakan kajian ini.

Selain itu, pengkaji ingin juga merakamkan penghargaan kepada pihak yang terlibat yang telah memberi sumbangan kepada kajian pengkaji iaitu Persatuan Foochow Sarikei. Kerjasama dan bantuan mereka dalam kajian ini amat dihargai oleh pengkaji. Bukan itu sahaja, jutaan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah memberi kerjasama dan pendapat secara langsung dan tidak langsung, semangat dan dorongan daripada kalian amat pengkaji hargai.

Akhir sekali, tidak lupa juga kedua-dua ibu bapa pengkaji, pengkaji mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga terhadap mereka. Semangat dan sokongan yang telah diberikan oleh mereka semasa pengkaji menjalankan kajian ini juga pengkaji hargai sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

SENARAI KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
Halaman Tajuk	
Borang Pengesahan	
Pengakuan	
Penghargaan	I
Senarai Kandungan	II-VII
Senarai Gambar (Peta)	VIII
Senarai Gambar	VIII-XI
Abstrak	XII
<i>Abstract</i>	XIII
BAB 1: PENDAHULUAN	1-2
1.0 Pengenalan	3-4
1.1 Latar Belakang Kajian	
1.1.1 Sejarah Sarikei, Sarawak	5-6
1.1.2 Asal-Usul Masyarakat Cina Di Sarawak	7-8

1.1.3	Adat-Adat Dan Budaya Perkahwinan Masyarakat Cina Di Sarikei, Sarawak	9
1.2	Permasalahan Kajian	10-11
1.3	Objektif Kajian	12
1.4	Persoalan Kajian	13
1.5	Kepentingan Kajian	14
1.6	Skop Kajian	15-16
1.7	Limitasi Kajian	17-18
1.8	Lokasi Kajian	19
1.9	Kesimpulan	20

BAB 2: SOROTAN KESUSASTERAAN

2.0	Pengenalan	21
2.1	Pengurusan	22-23
2.2	Perkahwinan	24-25
2.3	Adat	26-28
2.4	Budaya	29-31
2.5	Kesimpulan	32

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	33
3.1	Populasi	34
3.2	Persampelan	35
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	36
3.3.1	Data Primer	36
3.3.2	Data Sekunder	37
3.4	Kaedah Kajian Dan Analisis Data	38
3.4.1	Kaedah Kualitatif	38
3.4.2	Kaedah Temu Bual	39-40
3.5	Instrumen Kajian	41-43
3.6	Kesimpulan	44

BAB 4: ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	45
4.1	Mengenal Pasti Kaedah Pengurusan Dalam Perkahwinan Masyarakat Cina Di Repok, Sarikei,	46

Sarawak	
4.1.1	Sebelum Majlis Perkahwinan 47-56
4.1.2	Semasa Majlis Perkahwinan 57-65
4.1.3	Selepas Majlis Perkahwinan 66
4.2	Mengkaji Adat-Adat Dan Budaya Perkahwinan 67
	Masyarakat Cina Di Repok, Sarikei, Sarawak
4.2.1	Peringkat Merisik [寻偶 (xun ou)] 68
4.2.2	Peringkat Meminang [求爱 (qiu ai)] 69
4.2.3	Peringkat Pertunangan [许配 (xu pei)] 70-71
4.2.4	Peringkat Majlis Perkahwinan [结婚 (jie hun)] 72-76
4.3	Mengkaji Kesan Perubahan Adat Dan Budaya 77
	Tradisional Perkahwinan Kepada Masyarakat Cina Di Repok, Sarikei, Sarawak
4.3.1	Keaslian Adat Dan Budaya Tradisional 78-81
	Perkahwinan Masyarakat Cina Di Repok, Sarikei, Sarawak Semakin Dilupakan
4.3.2	Adaptasi Adat Dan Budaya Kebaratan Dalam 82-89
	Perkahwinan Masyarakat Cina Di Repok,

Sarikei, Sarawak Semakin Meningkatkan

4.4	Kesimpulan	90
-----	------------	----

BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0	Pengenalan	91
-----	------------	----

5.1	Rumusan	92
-----	---------	----

5.1.1 Rumusan Bagi Objektif Kajian Pertama:

Mengenal Pasti Kaedah Pengurusan Perkahwinan Masyarakat Cina Di Repok, Sarikei, Sarawak	93
---	----

5.1.2 Rumusan Bagi Objektif Kajian Kedua:

Mengkaji Adat-Adat Dan Budaya Perkahwinan Masyarakat Cina Di Repok, Sarikei, Sarawak	94-96
---	-------

5.1.3 Rumusan Bagi Objektif Kajian Ketiga:

Mengkaji Kesan Perubahan Adat Dan Budaya Tradisional Perkahwinan Kepada Masyarakat Cina Di Repok, Sarikei, Sarawak	97-98
--	-------

5.2	Cadangan	99
-----	----------	----

5.2.1 Kesedaran Dalam Kalangan Masyarakat Cina

Repok, Sarikei, Sarawak	100-101
-------------------------	---------

5.2.2	Kesedaran Pihak Persatuan Foochow Sarikei	102-103
5.3	Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	104
5.3.1	Penekanan Terhadap Perubahan Dari Segi Penggunaan Alat-Peralatan Semasa Majlis Perkahwinan Masyarakat Cina Dijalankan Di Repok, Sarikei, Sarawak	105-106
5.3.2	Faktor Menyebabkan Masyarakat Cina Kini Kurang Mengamalkan Adat Dan Budaya Tradisional Perkahwinan Di Repok, Sarikei, Sarawak	107
5.3.3	Perbezaan Adat Dan Budaya Perkahwinan Antara Kaum Cina Dengan Kaum Lain Di Repok, Sarikei, Sarawak	108
5.4	Kesimpulan	109
	Rujukan	110-114
	Lampiran	115-140

SENARAI GAMBAR (PETA)

Gambar	Deskripsi	Halaman
Peta 1	Repok, Sarikei, Sarawak	19

SENARAI GAMBAR

Gambar	Deskripsi	Halaman
1	Upacara Pendaftaran Perkahwinan Di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)	48
2	Contoh Hadiah / Hantaran	49
3	Katil Besar Dengan Cadar Tilam Berwarna Merah	50
4	Hasil Pergambaran Pengantin Baharu	51
5	Aksesori-aksesori Perhiasan (Emas)	52
6	Kuih Hantaran [礼饼 (<i>li bing</i>)]	53

7	Kad Jemputan Majlis Perkahwinan [请帖 <i>(qing tie)</i>]	53
8	Kenderaan Berhias Yang Dihias Bunga Dan Patung Pengantin	54
9	Duit Angpau [礼金 <i>(li jin)</i>]	55
10	Perkataan “ 囍 ” (Xi) Yang Berwarna Kuning- Keemasan Ditampal Di Pintu Bilik Rumah	56
11	Pengantin Lelaki Dan Gadis Dihias Indah Oleh Beberapa Jurusolek	57
12	Menikmati Sarapan (Mi Sua Sup Ayam)	58
13	Ayah Pengantin Gadis Mengiringnya Keluar Dari Bilik	59
14	Upacara Menundukkan Kepala [鞠躬与叩头 <i>(ju gong yu kou tou)</i>]	59
15	Pertukaran Cincin Emas	59
16	Pengantin Lelaki Menyambut Pengantin Gadis Masuk Ke Rumah Pengantin Lelaki Sendiri	60
17	Upacara Meminum Teh	60

18	Upacara Anak-Anak Lelaki Membuang Air Kecil Di Dalam <i>Descendants Set</i>	61
19	Anak-Anak Lelaki Membuat Beberapa Lompatan Di Atas Katil Baru Pengantin	62
20	Sesi Pergambaran Sekeluarga Besar	62
21	Pengantin Menyambut Kedatangan Para Tetamu	64
22	<i>Door Gift / Goodies Bag</i>	64
23	Upacara Memotong Kek Manis Dan Saling Menikmati Kek Manis	64
24	Menikmati Wain Merah	65
25	Kedua-Dua Pengantin Menerima Hadiah Atau Angpau Daripada Para Tetamu	65
26	Pakaian, Kain Kepala Pengantin Gadis Berwarna Putih	73
27	Kasut Pengantin Gadis Berwarna Putih	73
28	Sup Ayam, Telur Ayam Rebus, Mi Sua Sup Ayam	74
29	Beramah Mesra	76
30	Menerima Angpau Dan Restu Daripada	76

Saudara-Mara

31	Hantaran Tradisional [三牲 (<i>san sheng</i>)]	80
32	Hantaran Terkini [礼篮 (<i>Hamper</i>)]	81
33	Tema Perkahwinan Berunsur Tradisional	83
34	Tema Perkahwinan Berunsur Kebaratan	84
35	Pakaian Perkahwinan Tradisional	85
36	<i>Cheongsam</i> Tradisional Dengan Sulaman Berwarna Emas / Kuning	85
37	Aksesori Pengikat Rambut Serta Klip Rambut Tradisional Berwarna Emas	86
38	Pakaian Perkahwinan Berunsur Kebaratan	86
39	Penggunaan Payung Merah (Tradisional)	88
40	Penggunaan Payung Putih (Kebaratan)	88

ABSTRAK

Kajian ini adalah sebuah kajian berkenaan Pengurusan Perkahwinan Masyarakat Cina Di Repok, Sarikei, Sarawak. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kaedah pengurusan dalam perkahwinan masyarakat Cina di Repok, Sarikei, Sarawak dan mengkaji adat-adat dan budaya perkahwinan masyarakat Cina di Repok, Sarikei, Sarawak serta mengkaji kesan perubahan adat dan budaya tradisional perkahwinan kepada masyarakat Cina di Repok, Sarikei, Sarawak. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu menemu bual seramai 2 orang informan yang pakar dalam bidang tersebut.

ABSTRACT

This research is a study on Chinese Marriage Management in Repok, Sarikei, Sarawak. This study was conducted to identify the marriage management methods of Chinese society in Repok, Sarikei, Sarawak and study the marriage customs and cultures of the Chinese society in Repok, Sarikei, Sarawak as well as study the impact of traditional customs and cultures changes of marriage to the Chinese society in Repok, Sarikei, Sarawak. This study was conducted by using qualitative method which was interviewed 2 informants who are experts in this field.

BAB 1

PENDAHULUAN

Bahagian dalam bab ini merupakan penerangan daripada pengkaji mengenai kajian yang dijalankan. Terdapat beberapa bahagian sub-topik telah dibincangkan oleh pengkaji dalam kajian. Untuk bahagian pendahuluan dan perbincangan mengenai latar belakang, bahagian ini akan menjelaskan perkara atau maklumat yang diperoleh secara langsung atau tidak langsung mengenai kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Bukan itu sahaja, ia merangkumi penerangan mengenai asal-usul tentang maklumat yang dikaji oleh pengkaji. Bahagian seterusnya ialah permasalahan kajian, iaitu bahagian yang akan menjelaskan permasalahan yang menjadi pendorong untuk kajian ini. Permasalahan kajian merupakan faktor utama untuk kajian ini yang akan membawa pengkaji kepada penghasilan objektif kajian. Dalam bahagian ketiga iaitu objektif kajian akan mendorong pengkaji menggariskan beberapa matlamat dalam mencari penyelesaian untuk permasalahan kajian yang timbul. Ia juga membawa kepada bahagian keempat iaitu persoalan kajian. Persoalan kajian memberi garis panduan kepada pengkaji dalam mencapai matlamat atau objektif yang dikemukakan dalam kajian.

Selain itu, kepentingan kajian adalah bahagian yang kelima dalam kajian yang dijalankan. Pengkaji akan menerangkan bahagian ini secara langsung atau tidak langsung sama ada kepada pengkaji sendiri, masyarakat atau pihak lain. Bahagian seterusnya pula adalah skop kajian. Skop kajian mengandungi penerangan yang lebih jelas tentang perkara yang dikaji dan pengkaji juga akan menjelaskan kaedah yang

digunakan oleh pengkaji secara terperinci untuk memperoleh pelbagai maklumat mengenai kajian yang dijalankan. Ia merupakan bahagian penting untuk menerangkan tentang limitasi kajian dalam kajian ini.

Lokasi kajian merupakan bahagian ketujuh dalam kajian ini. Pengkaji akan menjelaskan tempat dan kawasan kajian tertentu supaya kajian dapat dilaksanakan dengan lebih terperinci. Di samping itu, pengkaji juga menerangkan secara umum dari bab ke bab yang terkandung dalam kajian yang dijalankan. Bahagian ini turut merupakan bahagian kesimpulan bab 1 kajian yang dirumuskan oleh pengkaji.

1.0 Pengenalan

Kajian ini mengenai pengurusan dalam perkahwinan masyarakat Cina di Repok, Sarikei, Sarawak. Kaedah yang digunakan dalam pengurusan adalah penting kepada sesebuah perkahwinan masyarakat Cina. Perkahwinan yang dianjurkan perlu dirancang dengan baik dan sistematik oleh seseorang pengurus acara perkahwinan, pihak keluarga masing-masing dan pihak yang berkaitan. Perkara yang dapat dilihat dalam kajian ini adalah pengurusan dalam perkahwinan masyarakat Cina di Repok, Sarikei, Sarawak. Untuk menjayakan sesebuah perkahwinan, pihak yang mengurus perkahwinan perlu mempertimbangkan pelbagai aspek berdasarkan pengurusan dari segi kewangan, sumber manusia, tempat dan lain-lain supaya proses upacara perkahwinan dapat dijalankan dengan lebih lancar.

Kajian ini juga mengenai adat-adat dan budaya perkahwinan masyarakat Cina di Repok, Sarikei, Sarawak. Terdapat banyak adat budaya yang diamalkan oleh masyarakat Cina dalam proses perkahwinan dijalankan. Adat-adat dan budaya masyarakat Cina memberi kesan kepada perkahwinan yang dianjurkan. Kajian ini akan menunjukkan adat-adat dan budaya sebelum, semasa dan selepas perkahwinan dijalankan oleh masyarakat Cina di Repok, Sarikei, Sarawak.

Bukan itu sahaja, kajian ini turut berkait dengan kesan perubahan adat dan budaya tradisional perkahwinan kepada masyarakat Cina di Repok, Sarikei, Sarawak. Masyarakat Cina mengetahui bahawa adat dan budaya tradisional perkahwinan sangat penting dalam kehidupan mereka, namun

kebanyakan masyarakat Cina kini kurang mementingkan adat dan budaya tradisional perkahwinan yang diwarisi secara turun-temurun oleh nenek moyang. Tambah lagi, mereka lebih cenderung kepada pengamalan adat dan budaya barat iaitu adat dan budaya yang menjurus ke arah kemodenan tanpa mementingkan adat dan budaya yang rumit. Dengan itu, kajian ini dijalankan supaya pengkaji dapat mengetahui dan memahami kesan-kesan perubahan adat dan budaya tradisional perkahwinan kepada masyarakat Cina di Repok, Sarikei, Sarawak.

1.1 Latar Belakang Kajian

1.1.1 Sejarah Sarikei, Sarawak

Menurut Dandot, D. A. (2017) menyatakan di dalam artikelnya; *Sarawak's Unique Administrative Identity: Establishment of Divisoinal, District & Sub-District Machinery for Enhancing Development Administration* bahawa sejarah Sarikei dapat dikesan seawal kurun ke-19. Mengikut catatan sejarah, James Brooke pernah mengunjungi Sarikei pada 30 April 1845. Penentangan terhadap James Brooke membawa kepada peristiwa pembakaran Sarikei pada 4 Januari 1856 dan tindakan balas oleh Charles Brooke ke atas Julau pada 19 Jun 1856. Catatan-catatan sejarah ini menunjukkan kewujudan Sarikei di dalam Sarawak. Pada 2 April 1973, bahagian Sarikei ditubuhkan sebagai bahagian ke-6 dalam negeri Sarawak. Pada mulanya, keluasan Sarikei adalah sebanyak 6969 km². Ia merupakan gabungan daerah-daerah Sarikei, Meradong, Julau, Matu dan Daro. Selepas pembentukan Bahagian Mukah dan Bahagian Betong, Keluasan Bahagian Sarikei berubah, iaitu 4332.35 km² dan merupakan 1.31 % daripada jumlah keseluruhan negeri Sarawak iaitu 124,449 km².

Pusat pentadbiran dan komersil adalah Bandar Sarikei yang juga dikenali dengan nama Bandar Nanas. Repok di bandar Sarikei terdiri daripada jalan utama, iaitu Jalan Repok yang disambung oleh

jalan lain yang membawa kepada pembangunan baru di Kampung Seberang yang dikenali sebagai Taman Susur Jambu. (Dandot, 2017)

1.1.2 Asal-Usul Masyarakat Cina Di Sarawak

Menurut Yaakub, A. (2015), masyarakat Cina Sarawak terdiri daripada pelbagai rumpun dialek Cina dan mereka dikategorikan mengikut bahasa pertuturan mereka iaitu Cantonese, Hakka, Hokkien, Teochew, Hainan dan Foochow. Walaupun mereka sudah menetap di bumi Sarawak namun begitu mereka masih lagi mengekalkan warisan tradisi dan adat resam budaya mereka termasuk menyambut semua perayaan masyarakat Cina di seluruh dunia seperti Tahun Baru Cina dan banyak lagi. Seperti masyarakat Cina di seluruh dunia, masyarakat Cina Sarawak majoritinya masih lagi menganuti agama Buddha. Sejalan dengan waktu ramai juga antara masyarakat Cina Sarawak yang menganuti agama Kristian. Masyarakat Cina Sarawak juga seperti etnik-etnik bumiputra Sarawak yang lain juga ramai yang mengamalkan perkahwinan campur sehingga membenarkan mereka juga mempunyai saudara-mara dalam kalangan etnik-etnik peribumi Sarawak yang lain.

Di Sarawak, kedatangan masyarakat Cina bermula pada suku kedua abad ke-19 iaitu setelah wujudnya pemerintahan Rajah James Brooke pada tahun 1841. Rajah James Brooke yang telah berusaha mengekalkan keamanan di Sarawak Kingdom dan kejayaannya telah menyebabkan berkembangnya aktiviti pemiagaan saudagar Inggeris dan Cina di Singapura dan Sarawak. Keamanan yang wujud di